

Kuala Lumpur: Persatuan Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah Fasa Satu, di sini, mengakui terdapat pembeli menyewakan unit kediaman mereka kepada warga asing.

Pengerusinya, Atar Bacha Haja berkata, berdasarkan kes di perumahan itu, individu terbabit menjadikan rumah miliknya sebagai 'asrama' bagi lapan pekerja warganegara Nepal.

Menurutnya, hasil siasatan pihaknya mendapati, individu berkenaan men-

Warga asing mabuk salah ketuk pintu rumah

dakwa tidak mengetahui unit terbabit tidak boleh disewakan kepada warga asing walaupun sudah dibeli.

"Kemudahan yang dapat di setiap PPR ini untuk diberi kepada warganegara. Kita telah mengambil tindakan tegas dan aduannya sampai kepada DBKL sebelum DBKL mengambil tindakan.

"Selaku pengerusi persatuan penduduk, saya memberi tempoh tiga hari

kepada mereka untuk keluar daripada unit tersebut dan unit itu kini telah kosong," katanya ketika ditemui Harian Metro, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Atar Bacha berkata, kes seperti itu juga pertama kali berlaku di PPR berkenaan.

Beliau turut menggesa agar setiap pemilik unit PPR tidak mengambil kesempatan susulan kemudahan yang diberikan dan kadar sewa dikenakan oleh

DBKL adalah rendah.

"(Bagi) unit PPR yang menyewa dengan DBKL hanya bayar RM124 sebulan termasuk yuran penyelenggaraan seperti membaiki lif, pembersihan dan lampu koridor.

"Kos lain semua ditanggung oleh DBKL. Jadi, jangan ambil kesempatan," katanya.

Katanya, pihaknya sentiasa menguar-uarkan mengenai perkara itu agar pemilik atau penyewa tidak

sewenang-wenangnya memberi sewa kepada warga asing.

Sementara itu, penduduk PPR Kampung Muhibbah Fasa 1, Wan Syakirin Wan Yusof, 30, berkata salah seorang warga Nepal itu pernah tersalah 'ketuk' pintu disangkakan rumahnya.

"Ada satu hari itu, salah seorang (warga Nepal) pernah tersalah ketuk pintu. Dia ingatkan rumahnya tetapi ia sebenarnya ru-

mah saya dan waktu itu dia berada dalam keadaan mabuk," katanya.

Katanya, berikutan itu dia mulai risau jika berlaku perkara yang tidak diinginkan pada masa depan.

"Sebab dalam rumah mereka itu ramai. Kita pun risau. Takut juga apa-apa yang terjadi apabila isteri saya berjalan seorang diri.

"Kebetulan pada hari kejadian semasa dia mengetuk pintu, nasib baik saya ada di rumah," katanya.